

Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak dan Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak.

Seramai 4,190 graduan menerima ijazah masing-masing pada majlis konvokesyen berkenaan. Mereka terdiri daripada seorang graduan Ijazah Kehormat, 52 graduan Ijazah Doktor Falsafah, tujuh graduan Doktor Pentadbiran Perniagaan, 657 graduan Ijazah Sarjana, 2,906 graduan Ijazah Sarjana Muda dan 567 graduan Diploma Lepas Ijazah (Diploma Pendidikan).

Sempena majlis konvokesyen ini, UUM juga menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Kerja Sosial) kepada Yang Teramat Mulia Tunku Panglima Besar Dato' Seri Tunku Puteri Intan Safinaz Binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Haji Abdul Halim Mu'adzam Shah sebagai menghargai jasa beliau dalam Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), aktif dalam kerja sosial dan kebajikan.

Tuanku Intan Safinaz diberi anugerah kerana sumbangannya dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan termasuk, meningkatkan imej Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dan Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia (LKPIM) dan Penaung Diraja kepada Langkawi Geopark.

Selain itu, Tuanku Intan Safinaz juga adalah Komandan Askar Wataniah 513 dan memakai pangkat Brigedier Jeneral dan Pro-Canselor Universiti Pertahanan Malaysia. Sumbangan lain, Felo Diraja Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Paling istimewa pada konvokesyen pada tahun ini ialah Ketua Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia Yang Terhormat Bapak Marzuki Alie menerima Ijazah Doktor Falsafah (Pemasaran Politik dan Politik Kepartian Indonesia: Kajian Pemilihan Umum Tahun 2009 di Daerah Khusus Ibu Kota Jakarta) daripada universiti ini.

Beliau juga menjadi Ketua Pegawai Eksekutif Utama Group usaha PT Global Perkasa Investindo 2006, Pengarah Komersial PT.Semen Baturaja (Persero), Palembang dan pelbagai penglibatan dalam bidang politik, ekonomi serta menjawat beberapa jawatan penting dalam kerajaan.

Baginda bertitah, setiap rakyat harus memiliki sifat setia dan sayang akan negaranya selain harus menjaga serta mempertahankan maruah bangsa dan negara.

"Kita harus bersedia berkorban mempertahankan cita-cita kemerdekaan negara dan suka beta mengingatkan bahawa kemajuan yang dinikmati hari ini adalah hasil daripada permuafakatan masa dahulu.

"Oleh itu, pendidikan hendaklah memberi tumpuan kepada pembinaan semangat satu bangsa, satu negara," titah baginda.

Sementara itu, baginda yang juga merangkap Canselor UUM bertitah, sebagai alumni, para graduan adalah antara 'stakeholders' yang utama dan tugas 'stakeholders' adalah untuk mengeratkan hubungan dengan universitinya.

"Peranan yang boleh bekas graduan lakukan ialah sebagai mentor kepada para mahasiswa yang masih menuntut. Inisiatif ini boleh diupayakan melalui perkongsian pengalaman, kejayaan, motivasi, wacana dan forum.

"Bekas graduan turut bertanggungjawab untuk memastikan universiti ini kekal kecemerlangannya di peringkat kebangsaan mahupun global,"titah baginda.

Baginda bertitah, dalam apa jua keadaan, graduan atau generasi muda adalah tonggak kelangsungan sesebuah negara, agama dan bangsa.

"Dalam genggamannya generasi muda, segala rentak dan hala tuju negara dan agama ditentukan. Sebagai institusi pengajian tinggi yang memartabatkan ilmu, UUM harus mampu memupuk perpaduan dalam menjayakan agenda negara bangsa.

"Beta ingin menzahirkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua graduan di atas kejayaan memperoleh ijazah masing-masing. Tahniah juga Beta ucapkan kepada ibu bapa, warga UUM dan kerajaan yang turut sama menyumbang kepada kejayaan ini.

"Sesungguhnya, kejayaan seseorang bergantung pada jalinan kerjasama dan saling bantu-membantu antara satu sama lain. Dalam apa jua keadaan, graduan atau generasi muda merupakan tonggak kelangsungan sesebuah negara, agama dan bangsa.

"Segala rentak dan hala tuju negara dan agama ditentukan dalam genggamannya generasi muda. Sebagai institusi pengajian tinggi yang memartabatkan ilmu, UUM harus mampu memupuk perpaduan nasional dalam menjayakan agenda negara bangsa.

"Pembinaan negara bangsa adalah agenda berterusan untuk menangani pelbagai cabaran dan cabaran terkini adalah globalisasi. Globalisasi membolehkan pengaliran secara bebas dan pantas bukan sahaja maklumat, modal serta manusia tetapi yang paling kita kuaratir adalah sistem nilai, budaya dan kepercayaan dari pelbagai negara," titah baginda.

Habis